

Jenis Akhbar : **Bernamea Online**

Tarikh : **17/09/2018**

Edisi / Muka surat : www.bernama.com

Tajuk : **Portal Mymaya.asia pacu perniagaan global koperasi Malaysia**

Portal Mymaya.asia pacu perniagaan global koperasi Malaysia

Tarikh kemaskini: 17/09/2018

LANGKAWI, 17 Sept (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) akan memanfaatkan portal Mymaya.Asia untuk memacu penglibatan koperasi negara dalam perniagaan atas talian.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata Mymaya.Asia yang dibangunkan melalui inisiatif digital ANGKASA ini membolehkan koperasi-koperasi di negara ini untuk melangkah ke alam perniagaan global.

“InsyaAllah kita akan lancarkan dalam Persidangan Koperasi Global peringkat Asia-Pasifik di Teheran (Iran) pada November tahun ini,” katanya kepada media selepas merasmikan Kursus Pengendalian Laman Web untuk Koperasi anjuran ANGKASA di sini hari ini.

Menurutnya, kursus ini merupakan antara langkah yang dibuat oleh ANGKASA untuk menggiatkan lagi penglibatan koperasi-koperasi di bawah naungannya dalam perniagaan atas talian.

“Mungkin agak sukar untuk menganggarkan potensi pasaran dalam perniagaan atas talian disebabkan kemajuan pantas dalam teknologinya tetapi saya boleh katakan ia (pasarannya) adalah berlipat kali ganda besarnya,” katanya.

-- BERNAMA